

09/11/1999

Penafian Anwar tidak kukuh

Yusof Karim

SETELAH meneliti laporan bertajuk 'Anwar nafi dakwaan dana politik RM3 bilion' (Berita Harian, 30 Oktober 1999) dan sebuah laman web pro-reformasi, saya percaya Anwar Ibrahim tahu dan terbabit dalam mewujudkan dan menggunakan 20 akaun induk yang mempunyai RM3 bilion bagi membiayai konspirasi untuk menjadi Perdana Menteri dan menghapuskan musuh politiknya di negara ini.

Pada mulanya, saya fikirkan bahawa laporan dalam surat khabar tempatan hanya mahu memperkecilkan cerita penafian Anwar mengenai adanya 20 akaun induk berkenaan.

Tapi, apabila saya melawat laman web reformasi pro-Anwar, saya hanya melihat empat perenggan bertajuk 'Penafian Anwar' (Anwar's Denial) yang tujuannya hanya bagi mengelak daripada menjawab secara langsung mengenai akaun induk itu.

Dalam perenggan pertama, Anwar mahu 'diwujudkan satu suruhanjaya siasatan bebas bagi menyiasat pengumpulan harta pemimpin kerajaan'. Dakwaan ini hanyalah taktik untuk menyisih daripada perkara pokok iaitu bagaimana bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid boleh mendedahkan secara komprehensif mengenai akaun induk itu. Soalan ini yang perlu dijawab, bukannya mengenai perlunya pemimpin lain disiasat.

Anwar harus menjawab soalan penting ini kerana dia dituduh. Nampaknya Anwar tidak mahu menyentuh langsung mengenai akaun induk dan wang RM3 bilion. Dia hanya mahu menyisih pandangan rakyat kepada perkara lain seperti yang sudah dan sedang dilakukannya selama ini.

Dalam perenggan kedua, Anwar mendakwa bahawa 'cara memaksa pengakuan dibuat mengikut contoh regim Hitler dan Stalin kian menjadi-jadi di negara ini. Yang mutakhir membabitkan Abdul Murad.

Fitnah demikian digunakan untuk menjejaskan imej musuh politik pemimpin Barisan Nasional (BN)'.

Dakwaan Anwar ini juga tidak menyentuh mengenai pendedahan Abdul Murad. Kenapa Anwar takut sangat untuk mengkritik mengenai akuan berkanun Abdul Murad?

Apakah Anwar mahu menyembunyikan sesuatu?

Perenggan ketiga ialah dakwaan Anwar bahawa 'pendedahan Abdul Murad ialah untuk menyisihkan pandangan rakyat yang telah dirompak harta mereka oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin, yang telah dibuktikan dalam laporan polis dan mahkamah'. Perenggan ini juga tidak relevan kerana tidak menyentuh langsung mengenai pendedahan Abdul Murad. Penggunaan nama Dr Mahathir dan Tun Daim di sini hanyalah untuk mengabui pandangan rakyat terhadap akaun induk yang diwujudkan Anwar bagi menjaga kepentingannya.

Ia juga untuk memberi kebolehpercayaan kepada teori konspirasi beliau di dalam mahkamah.

Perenggan keempat adalah penafian Anwar terhadap 'tuduhan liar tanpa asas itu'. Seperti penilaian awal di atas, ini juga kenyataan yang menunjukkan Anwar tidak membela dirinya.

Jelas dalam semua empat perenggan, Anwar tidak mengupas segala pendedahan yang dibuat oleh Abdul Murad. Rakyat tahu bahawa Abdul Murad ikhlas dalam pendedahannya untuk membersihkan namanya setelah sekian lama menjalankan niat buruk Anwar.

Abdul Murad membuat pendedahan itu dalam bentuk akuan berkanun kerana yakin bahawa beliau tidak menipu. Kenapa Anwar tidak berbuat demikian dan

hanya bermain dengan kata-kata seperti yang dilakukannya selama ini?
Insya-Allah rakyat tidak akan tertipu lagi.